

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2019/2020
SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19**

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan menyelaraskan penambahbaikan pelaksanaan peperiksaan akhir kursus-kursus Semester II Sesi 2019/2020 susulan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 bermula 18 Mac 2020.

Garis panduan ini mengambilkira sistem pengredan kursus sedia ada.

2.0 UMUM

Garis panduan ini juga **perlu dibaca bersama** dengan arahan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan akreditasi berkaitan.

3.0 PRINSIP UTAMA

- 3.1 Kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir yang digunapakai perlu dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran (CLO dan PLO) yang ditetapkan serta memelihara sebaik mungkin aspek kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan adil (*fairness*) dalam pelaksanaan.
- 3.2 Semua kaedah pelaksanaan pentaksiran perlu diselaraskan oleh Penyelaras Kursus. Semua kaedah pentaksiran yang telah dilaksanakan perlu direkodkan bagi tujuan lawatan akreditasi/ audit.

4.0 PERUNTUKAN MARKAH PEPERIKSAAN AKHIR

- 4.1 Berdasarkan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 MQA, semua pentaksiran untuk Semester II Sesi 2019/2020 perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar.
- 4.2 Bagi kursus-kursus di UTHM yang melibatkan peperiksaan akhir, peruntukan markah peperiksaan akhir lazimnya adalah sehingga maksimum 50%. Sebagai contoh, bagi kursus yang diukur dengan 50% penilaian berterusan dan 50% peperiksaan akhir, sekiranya penilaian berterusan telah mencukupi 50%, maka penilaian melalui peperiksaan akhir sekurang-kurangnya 20% adalah memadai dalam penentuan gred kursus pelajar. Bagi kursus yang diukur dengan 70% penilaian berterusan dan 30% peperiksaan akhir pula, markah penilaian berterusan tersebut iaitu 70% boleh digunapakai dalam

penentuan gred kursus pelajar dengan syarat hasil pembelajaran yang ditetapkan telah dipenuhi.

5.0 PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA BUKA BUKU (*OPEN BOOK*)

Pelaksanaan peperiksaan akhir secara buka buku boleh dilaksanakan melalui mana-mana satu/ kombinasi kaedah-kaedah berikut:

5.1 Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian

- 5.1.1 Soalan peperiksaan perlu melalui proses *vetting* selaras dengan Prosedur RPP-12 Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir.
- 5.1.2 Kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir secara atas talian hendaklah diuruskan di peringkat fakulti/ pusat pengajian.

5.2 Peperiksaan Bawa Pulang (*Take Home Examination*)

- 5.2.1 Fakulti/ pusat pengajian perlu menetapkan aras kesukaran soalan yang bersesuaian dengan mengambil kira pelajar mempunyai akses kepada pelbagai rujukan dan tidak terbatas. Soalan peperiksaan perlu melalui proses *vetting* selaras dengan Prosedur RPP-12 Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir.
- 5.2.2 Staf akademik perlu mendapatkan perakuan daripada pelajar semasa pelajar menghantar skrip jawapan dengan menyatakan bahawa jawapan yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya hasil plagiat daripada rakan atau sumber lain.
- 5.2.3 Tempoh masa dan kaedah penghantaran skrip jawapan oleh pelajar perlu ditetapkan oleh fakulti/ pusat pengajian.

5.3 Lain-Lain Penilaian Sumatif (*Other Summative Assessments*)

- 5.3.1 Kaedah penilaian sumatif termasuklah projek akhir, portfolio, dan pelbagai bentuk tugasan yang dapat mengukur hasil pembelajaran yang ditetapkan.
- 5.3.2 Fakulti/ pusat pengajian perlu menetapkan aras kesukaran penilaian sumatif yang bersesuaian dengan mengambil kira akses kepada pelbagai rujukan yang tidak terbatas.
- 5.3.3 Staf akademik perlu mendapatkan perakuan daripada pelajar bahawa laporan/ portfolio yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya hasil plagiat daripada rakan atau sumber lain, kecuali sumber-sumber yang telah dinyatakan.
- 5.3.4 Tempoh masa dan kaedah penghantaran laporan/ portfolio oleh pelajar perlu ditetapkan oleh fakulti/ pusat pengajian.